

**UCAPAN YBRS. TUAN MOHD AZIZI BIN MOHD ZAIN  
YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

Assalamualaikum Wbkt Dan Selamat Sejahtera.

Alhamdulillah, dibalut rasa tawadu' penuh rahmat keatasNya kerana kita masih lagi dipertemukan di tahun baru yang penuh cabaran ini. Selamat tahun baru saya ucapkan. Semoga kita beroleh kekuatan diri lantas mencerap iltizam dan semangat yang kuat dalam memperkasakan budaya kerja kita kearah kelangsungan agenda MPS pada 2014 ini.

**PENCAPAIAN MPS 2013**

Pelbagai pencapaian telah diraih MPS sepanjang 2013. Antaranya ialah kejayaan diperolehi hasil pemantauan audit kualiti melalui Program MS ISO 9001:2008 dengan mendapat 'zero' Minor NCR dan 6 OFI-Major NCR direkodkan seterusnya 6 prosedur baru telah diperkenalkan. Kedua ialah implementasi sistem MS ISO 27001 : 2007 (ISMS) yang menjadi penanda aras kearah pengawasan serta keselemanan sistem maklumat kesemua jabatan MPS. Lantas memperlihatkan penambahbaikan segera perlu keatas jumlah kepakaran dan pengemaskinian sistem teknologi maklumat sedia ada. Ketiga, kejayaan MPS pada 2013 terukir melalui Program Amalan Persekutaran Berkualiti 5S yang memberi fokus kepada amalan sistem rekod yang baik, persekitaran dinamik dan kerberkesanan pengurusan pelanggan. Keempat melalui kluster inovasi majlis iaitu dayasaing inovasi KIK MPS mencipta kejayaan dengan menggondol tempat ketiga serta persembahan terbaik bagi kategori pengurusan di Konvensyen KIK peringkat negeri Selangor. Seterusnya, penambahan rangkaian media soisal MPS seperti Facebook dan Twitter

merancakkan lagi interaksi dan hubungan dua hala antara pihak majlis dengan komuniti setempat khususnya.

Secara umumnya, MPS giat menganjurkan pelbagai acara sukan seperti Kejohanan 5<sup>th</sup> Invitational Kundang Jetsports Challenge 2013 dan menjadi johan didalam Kejohanan Bola Sepak Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor 2013. Acara tradisi tahunan juga diteruskan MPS antaranya seperti sambutan Deepavali dan Thaipusam peringkat negeri Selangor, Program Zon Bersih, Program Bersama Rakyat dan banyak lagi.

#### **MIS,VISI DAN HARAPAN MPS 2014**

2014 menjanjikan seribu citra harapan dan cabaran mendatang yang bersilih-ganti. Justeru, afshal kiranya tirai mukadimah tahun ini dapatlah saya menggariskan beberapa pengumuman awal mengenai MPS yang kita sayangi ini antaranya ialah penjenamaan nama-nama baru jabatan MPS yang berkuatkuasa 01 Januari 2014, pembaharuan didalam Visi MPS kepada ‘Selayang Mampan, Progresif, & Sejahtera’ serta Misi baru MPS kepada ‘Pengurusan Perbandaran Berteraskan Sistem Penyampaian Yang Cekap, Efektif Dan Proaktif’. Manakala, menjunjung prinsip kecemerlangan kualiti berterusan, MPS merunduk rayu kerjasama berterusan daripada warga kerjanya kearah budaya kerja sihat, menggalakkan kreativiti dan inovasi, meningkatkan hasil MPS, mengurangkan karenah birokrasi, seterusnya menekankan fahaman ‘No Wrong Door Policy’. Oleh itu, dengan pembaharuan falsafah organisasi dan transformasi ini juga turut membawa niat dan kesungguhan padu warga kerja MPS yang penuh dedikasi ini demi kejayaan mendatang. Seterusnya, di tahun baru ini juga MPS memfokuskan penjimatan dan pengurusan kewangan yang sihat agar lebihan pendapatan melebihi perbelanjaan berlaku. Metodologi

pertama ialah kuota peruntukan elaun bayaran lebih masa 2014 hanya sebanyak RM 500,000 sahaja dan metodologi kedua ialah kadar elaun perubatan hanya RM400 seorang.

### **LANTIKAN BARU AHLI MAJLIS MPS PENGGAL BARU**

Disini, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua ahli majlis MPS Sesi 2012/2013 kerana telah menyumbangkan idea dan tenaga kearah kelangsungan dan kejayaan MPS. Justeru, lantikan ahli majlis baru akan dibuat sekitar bulan Februari 2014 kelak.

Sememangnya duduk letak kejayaan MPS hari ini bukanlah datang bergolek begitu sahaja, tetapi hasil titik peluh daripada kesungguhan kalian dalam melaksanakan tugas, amalan urustadbir baik, jalinan idea dan penambahbaikan yang berterusan. Akhir kalam, sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin menzahirkan rasa puas hati dan bangga di atas segala komitmen yang telah diberikan oleh warga MPS dalam memastikan pelaksanaan program dan aktiviti sepanjang tahun 2013 ini. Diharapkan anda bersedia dan dapat meningkatkan usaha serta daya saing yang tinggi demi menggalas tahun 2014. Akhir sekali, saya mengambil kesempatan disini mengucapkan ‘Selamat Menyambut Tahun Baru 2014!’

Terima Kasih.